

# Dua atlet paralimpik terima anugerah YTSP sempena Keputeraan Raja Perlis Ke-74

UM/28-07-17/35/1/E/Sukan

**ARAU 27 Julai** - Dua atlet orang kurang upaya (OKU) kelahiran negeri ini yang telah mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa kerana memenangi pingat emas Paralimpik Rio 2016, hari ini dikurniakan Anugerah Khas Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP) sempena sambutan Ulang Tahun Keputeraan Ke-74, Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail.

Baginda berkenan menganugerahkan pingat, sijil dan wang tunai berjumlah RM6,000 setiap seorang kepada atlet lompat jauh kategori T20 (kurang upaya intelektual), Abdul Latif Romly dan atlet acara 100 meter T36 (cerebral palsy), Mohamad Redzuan Mohamad Puzi di Istana

Arau di sini.

Berkenan hadir sama Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid, Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man dan isterinya, Datin Seri NoraSwana Omar.

Sebanyak 106 penerima menerima pingat sempena hari ketiga upacara itu iaitu Darjah Seri Sirajuddin Perlis (SSP), Ahli Mahkota Perlis (AMP), Pingat Mahkota Perlis (PMP), Pingat Jasa Kebaktian (PJK), Pingat Jasa Baik (PJB) dan Pingat Perkhidmatan Lama (PPL).

Pengarang *Utusan Melayu Mingguan*, Mohammad Radzi

Mohd. Zin dan Pengarang Berita *Utusan Malaysia*, Nazeri Nong Samah antara yang turut dianugerahkan AMP.

Abdul Latif ketika ditemui melahirkan rasa gembira atas penganugerahan itu dan menjadi pembakar semangat untuknya terus mencipta rekod baharu dalam sukan diceburinya.

"Saya berharap dapat memecahkan rekod peribadi (7.6 meter) semasa bertanding bersama atlet normal dalam Sukan SEA Kuala Lumpur pada bulan depan," katanya.

Dalam Kejohanan Olahraga Para Dunia 2017 di London baru-baru ini, Abdul Latif menyumbang pingat emas manakala Muhammad Redzuan sekadar pingat perak.



**TUANKU SYED SIRAJUDDIN PUTRA JAMALULLAIL.** Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail (kiri), Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid (dua dari kanan) dan Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil (kanan) berkenan merakamkan kenangan bersama tiga atlet paralimpik di Arau, semalam.